

02 MAR 1998

INSTITUT PENTADBIRAN BURUH AKAN DITUBUHKAN

PETALING JAYA, 2 Mac (Bernama) -- Sebuah institut yang akan mengendalikan kursus-kursus berhubung pentadbiran buruh akan ditubuhkan pada April, kata Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Zainal Rampak hari ini.

Katanya, institut itu yang akan dikenali sebagai Institut Pengajian Pentadbiran Buruh atau ILMU pada permulaannya akan mengendalikan kursus-kursus peringkat sijil dan diploma sebelum menawarkan kursus peringkat ijazah pada masa akan datang.

"Terdapat jurang yang besar antara peranan mengenai pentadbiran dan peranan mengenai buruh di tempat kerja.

"Jurang ini harus dipenuhi segera untuk meningkatkan dan mengekalkan keharmonian dalam perindustrian pada masa akan datang," katanya dalam kertas kerja mengenai buruh dalam perkongsian bijak pada Dialog Perkongsian Bijak Kebangsaan di sini.

Institut itu yang akan ditempatkan sementara di Subang Jaya dikendalikan secara usahasama oleh Institut Teknologi Pekerja dan institusi pendidikan swasta.

Institut itu terbuka untuk pemimpin-pemimpin kesatuan dan pengurus sumber manusia syarikat.

Merujuk kepada situasi ekonomi kini, Zainal berkata para majikan seharusnya melatih semula pekerja, bukannya memberhentikan mereka.

Dialog dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini. -- BERNAMA

MAM RHM